

711-24

0210-57160

SIRI SEJARAH PENTADBIRAN

SEJARAH PENTADBIRAN  
KEMENTERIAN PERTAHANAN

ARKIB NEGARA MALAYSIA  
1989

552648  
APB

13 MAR 1981  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

## KANDUNGAN

	Muka Surat
PENDAHULUAN	i
KEMENTERIAN PERTAHANAN	1
SUB-SISTEM AWAM	3
Sektor Bekalan dan Kewangan	3
Sektor Pembangunan	4
Sektor Dasar dan Pentadbiran	4
SUB-SISTEM TENTERA	5
TENTERA DARAT	5
Regimen Askar Melayu Di Raja	6
Regimen Renjer	6
Kor Armor Di Raja	7
Regimen Semboyan	7
Regimen Jurutera	7
Regimen Artileri	7
Kor Gerak Khas	7
Kor Perkhidmatan Am Persekutuan	8
Kor Kesihatan	8
Kor Polis Tentera	8
Kor Risik	8
Kor Perkhidmatan Malaysia	9
Kor Kelengkapan	9
Kor Jurutera, Letrik dan Jentera	9
Pasukan Simpanan Tentera Darat	9
TENTERA LAUT DI RAJA MALAYSIA	10
Pengkalan Tentera Laut Di Raja Malaysia, Woodlands, Singapura	11
Pengkalan Tentera Laut Di Raja Malaysia, Lumut	11
TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA	12

## KANDUNGAN

	Muka Surat
CARTA ORGANISASI KEMENTERIAN PERTAHANAN	14
SENARAI ORDINAN—ORDINAN DAN AKTA—AKTA YANG BERKAITAN DENGAN KEMENTAH	15
BIBLIOGRAFI	18

## PENDAHULUAN

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh Arkib Negara Malaysia untuk mengeluarkan terbitan-terbitan mengenai bahan-bahan yang berada di dalam simpanannya. Antaranya termasuklah Senarai-senarai Penerimaan, Inventori, terbitan-terbitan, 'in-extenso', Panduan Rekod-rekod Negeri, Panduan Rekod-rekod Persekutuan dan senarai topik-topik tertentu. Sebahagian besar daripada Panduan-panduan tersebut tidak mempunyai sejarah pentadbirannya.

Dalam usaha untuk melengkapkan lagi Panduan-panduan tersebut, Arkib Negara telah menjalankan projek Sejarah Pentadbiran Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Persekutuan yang telah dimulakan pada bulan Ogos 1984. Panduan ini disediakan berdasarkan maklumat sehingga tahun 1982 dan pada ketika itu terdapat 24 buah Kementerian di dalam pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Kementerian Pertahanan adalah salah satu daripada Kementerian-kementerian tersebut.

Kajian Sejarah Pentadbiran adalah penting dan setiap kumpulan arkib perlu mempunyai sejarah lengkap dan tepat mengenai Jabatan-jabatan yang mewujudkan rekod-rekod tersebut. Maklumat latarbelakang seperti ini merupakan alat yang tidak boleh dipisahkan di dalam menjelaskan makna rekod-rekod Kerajaan dan di dalam memahami fungsi Jabatan-jabatan berkenaan. Sejarah pentadbiran juga dapat membantu Pegawai-pegawai Arkib mengenali keadaan sebenar rekod-rekod yang berada di dalam jagaannya.

Kerja-kerja untuk menyediakan Sejarah Pentadbiran 24 Kementerian dan sejumlah besar Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan adalah rumit dan memerlukan masa yang panjang. Oleh itu Sejarah Pentadbiran ini akan diterbitkan berperingkat-peringkat dalam bentuk siri yang dinamakan 'Siri Sejarah Pentadbiran'.

Saya mengakui bahawa sejarah pentadbiran Kementerian Pertahanan ini, dari segi bentuk dan maklumat, adalah tidak sebegitu lengkap. Namun demikian, saya berharap bahawa sejarah pentadbiran ini dapat membantu penyelidik-penyelidik yang berminat untuk mengetahui latarbelakang sejarah penubuhan, objektif-objektif dan fungsi-fungsi sesebuah jabatan yang tertentu.

Zakiah Hanum  
Ketua Pengarah  
Arkib Negara Malaysia.

## KEMENTERIAN PERTAHANAN (KEMENTAH)

Kementerian Pertahanan mula wujud sebagai Kementerian Pertahanan dan Keselamatan Dalam Negeri pada hari Merdeka iaitu 31 Ogos, 1957. Pada 1 Mac 1958, Kementerian Pertahanan telah pun ditubuhkan sebagai satu pentadbiran berasingan bercorak Kementerian bersepadu (*integrated*), di mana bahagian-bahagian awam dan tentera ditempatkan di tempat yang sama dan menjalankan tugas sebagai satu pasukan. Sebelum Kementerian Pertahanan ditubuhkan, perkara-perkara mengenai pertahanan diletak di bawah Setiausaha Pertahanan (*Secretary for Defence*) yang dipegang oleh Pegawai British hingga 1956.

Penubuhan Kementerian Pertahanan tidak berasaskan kepada satu akta Parlimen yang digubalkan khas untuk penubuhannya. Penubuhannya adalah sejajar dengan syarat-syarat yang termaktub di dalam Pekeliling Am Bil.4 Tahun 1959.

Kementerian Pertahanan adalah agensi pusat yang bertanggungjawab mengubal dan mendapatkan arahan-arahan dasar Kerajaan mengenai perkara pertahanan dan juga menentukan yang arahan-arahan tersebut dilaksanakan oleh Angkatan Tentera Malaysia.

Objektif-objektif KEMENTAH adalah seperti berikut:-

### a. Objektif Umum

Memelihara kedaulatan dan keutuhan negara Malaysia serta melindungi kepentingan strategik negara dengan menggunakan bentuk ketenteraan dan segala keupayaan lain yang berkaitan dengan pertahanan.

### b. Objektif Operasi

- i. Membina sistem pertahanan yang berdikari, cekap dan berkesan secara berperingkat-peringkat supaya mencukupi keupayaan yang dinyatakan dalam Dasar Pertahanan Negara. Di dalam Rancangan Malaysia Kelima, keupayaan hendaklah mencapai taraf mencukupi (*adequate*);
- ii. Menghasilkan keselamatan serantau melalui kerjasama pertahanan yang erat dengan negara-negara jiran dan negara-negara luar;

- iii. Mewujud dan mengekal sokongan dan bantuan negara luar dari segi material, latihan dan teknologi;
- iv. Menyelenggara Angkatan Tentera Malaysia supaya di masa amannya sentiasa berada di dalam keadaan kesiapsagaan ditahap 80% bagi Tentera Darat, 67% bagi Tentera Laut Di Raja Malaysia dan 80% bagi Tentera Udara Di Raja Malaysia; dan
- v. Mengadakan bantuan tenaga manusia, material dan infrastruktur yang berkesan untuk menjamin kesiapsagaan Angkatan Tentera Malaysia di tahap yang telah ditetapkan.

Kementerian Pertahanan dibahagikan kepada dua sub-sistem iaitu Sub-Sistem Awam dan Sub-Sistem Tentera. Sub-Sistem Awam Kementerian ini adalah di bawah bidang kuasa Ketua Setiausaha Kementerian sementara Sub-Sistem Tentera adalah di bawah tanggungjawab Panglima Angkatan Tentera.

Menurut Fasal 132 Perlembagaan Malaysia tanggungjawab untuk pemerintahan, tatatertib dan pentadbiran Angkatan Tentera adalah dijalankan oleh satu Majlis yang dikenali sebagai Majlis Angkatan Tentera. Majlis ini ditubuhkan pada 26 Julai 1956 dan terletak di bawah kuasa Am D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Baginda juga ialah Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera dan menguatkuasakan tugas-tugas Baginda atas nasihat dari Kabinet atau Menteri Pertahanan. Tugas dan tanggungjawab mengenai operasi dan perancangan adalah diamanahkan kepada jawatankuasa panglima-panglima yang dipengerusikan oleh Panglima Angkatan Tentera. Tugas utama Majlis ini ialah untuk mentadbirkan Angkatan Tentera Persekutuan Tanah Melayu yang sebelum tahun 1956 telah ditadbirkan oleh Kerajaan British.

Di samping itu terdapat satu Jawatankuasa Tertinggi dalam Kementerian Pertahanan yang dinamakan Lembaga Menteri. Ia dianggotai oleh Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Ketua Setiausaha Kementerian, Panglima Angkatan Tentera dan wakil-wakil daripada kedua-dua sub-sistem Awam dan Tentera. Jawatankuasa Tertinggi ini dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Pertahanan. Ia bertanggungjawab ke atas keputusan perkara-perkara mengenai dasar pertahanan, pengurusan Angkatan Tentera dan Kementerian serta program dan aktiviti Kementerian. Jawatankuasa Tertinggi untuk Sub-Sistem Tentera dikenali sebagai Jawatankuasa Panglima-panglima manakala bagi Sub-Sistem Awam ialah Jawatankuasa Penasihat Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan. Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan merupakan Ketua Eksekutif dan Pegawai Pengawal bagi Kementerian Pertahanan.

## SUB-SISTEM AWAM

Sektor ini diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian dan dibantu oleh dua Timbalan Ketua Setiausaha. Aktiviti-aktiviti sektor ini dibahagikan kepada tiga sektor iaitu:

- i. Sektor Bekalan dan Kewangan;
- ii. Sektor Pembangunan; dan
- iii. Sektor Dasar dan Pentadbiran

Sektor-sektor ini juga dipecahkan kepada bahagian-bahagian yang bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Kementerian iaitu:

- i. Jabatan Ketua Hakim Peguam
- ii. Unit Audit Dalam
- iii. Bahagian Undang-undang
- iv. Unit Perkhidmatan Pengurusan
- v. Urusetia Jawatankuasa Khas Tentera

Selain daripada itu terdapat satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Penasihat Ketua Setiausaha yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha. Ia ditubuhkan khas untuk membantu Ketua Setiausaha dan menentukan pencapaian objektif Kementerian ditadbir dengan licin.

Fungsi-fungsi sektor dalam Sektor Awam ialah:

### **Sektor Bekalan dan Kewangan**

Sektor Bekalan dan Kewangan adalah bertanggungjawab dari segi pengurusan bekalan dan peruntukan kewangan Kementerian. Aktiviti-aktiviti tersebut disalurkan melalui bahagian-bahagian berikut:

- i. Bahagian Kewangan
- ii. Bahagian Bekalan
- iii. Bahagian Depoh Simpanan Pertahanan
- iv. Bahagian Akaun



## **Sektor Pembangunan**

Sementara Sektor Pembangunan adalah bertanggungjawab menguruskan perancangan projek-projek tertentu Kementerian dan memberi panduan kepada Kementerian dari segi menetapkan keperluan-keperluan seperti jaminan kualiti, rekabentuk dan kajian saintifik. Aktiviti-aktiviti disalurkan melalui bahagian-bahagian berikut:

- i. Bahagian Pembangunan
- ii. Pusat Penyelidikan Pertahanan
- iii. Bahagian Prosesan Data Elektronik
- iv. Bahagian Pengeluaran Pertahanan

## **Sektor Dasar dan Pentadbiran**

Sektor Dasar dan Pentadbiran bertanggungjawab menguruskan urusan perkhidmatan, pentadbiran am, perjawatan dan pengambilan kakitangan-kakitangan awam. Ianya juga bertanggungjawab untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti Kementerian di peringkat negeri Sarawak dan Sabah dan menyelia serta menguruskan aktiviti hal ehwal bekas perajurit. Bahagian-bahagian yang diwujudkan di sektor ini adalah:

- i. Bahagian Perkhidmatan
- ii. Bahagian Naziran Perjawatan
- iii. Bahagian Dasar
- iv. Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit
- v. Bahagian Urusetia dan Pentadbiran
- vi. Pejabat Kementerian Pertahanan Cawangan Negeri Sarawak
- vii. Pejabat Kementerian Pertahanan Cawangan Negeri Sabah

Kementerian ini juga telah mewujudkan beberapa bahagian bagi menguruskan hal-hal perundangan kewangan dan pengurusan. Bahagian tersebut ialah:

- i. Bahagian Hakim Peguam
- ii. Bahagian Audit Dalam
- iii. Bahagian Undang-undang
- iv. Unit Pengurusan Perkhidmatan
- v. Urusetia Jawatankuasa Khas Tender

## **SUB-SISTEM TENTERA**

Sektor ini adalah di bawah kawalan Panglima Angkatan Tentera dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang berasingan dari Sektor Awam. Walau bagaimanapun Sektor Tentera juga mempunyai hubungan dan interaksi dengan Sektor Awam kerana Sektor Awam merupakan punca bantuan untuk memberi segala kemudahan pentadbiran dan kewangan kepada Angkatan Tentera.

Terdapat tiga perkhidmatan di dalam Sektor Tentera:

- i. Perkhidmatan Tentera Darat
- ii. Perkhidmatan Tentera Laut
- iii. Perkhidmatan Tentera Udara

Daripada ketiga perkhidmatan yang ada, Perkhidmatan Tentera Darat adalah yang terbesar dan kanan dari segi jumlah anggota, peranannya dan sejarahnya. Ketiga-tiga perkhidmatan ini pada asasnya menjalankan fungsi-fungsi yang sama iaitu mengawal keselamatan negara dari ancaman luar dan dalam.

Di samping itu terdapat dua Bahagian yang dianggotai oleh ketiga-tiga perkhidmatan iaitu Markas Angkatan Tentera Malaysia dan Bahagian Staf Perisikan Pertahanan.

D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera dan Baginda menguatkuasakan tugas-tugas Baginda atas nasihat dari Kabinet atau Menteri Pertahanan.

Tugas dan tanggungjawab mengenai operasi dan perancangan adalah diamanahkan kepada Jawatankuasa Panglima-panglima. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Panglima Angkatan Tentera dan merupakan badan iktisas ketenteraan yang tertinggi dan bertanggungjawab terhadap semua tugas operasi yang berkaitan dengan Angkatan Tentera.

## **TENTERA DARAT MALAYSIA**

Ditubuhkan di Port Dickson dengan satu Skwad Percubaan Askar Melayu pada 1 Mac 1933.

Tugas-tugas utama Tentera Darat ialah

- i. Mempertahankan tanah daratan dari pencerobohan dan serangan musuh dari luar;

- ii. Menentu, memelihara dan membuka jalan-jalan perhubungan;
- iii. Menentang segala ancaman gerila komunis dari dalam negeri bersama pihak polis;
- iv. Mengawal sasaran penting; dan
- v. Membantu mengekalkan ketenteraan awam ketika darurat.

Angkatan Tentera Darat diketuai oleh Panglima Tentera Darat yang berpangkat Jeneral dan beliau ialah Ketua Ikhtisas Tentera Darat Malaysia, termasuk Askar Wataniah Malaysia dan semua komponen simpanan tentera darat mengikut kuasa yang diperwakilkan kepadanya.

Tentera Darat mengadakan operasi bersama dengan tentera-tentera Thai dan Indonesia, sepertimana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Am Sempadan. Di bidang latihan, Tentera Darat terus mengadakan latihan dengan Tentera Nasional Indonesia. Angkatan Tentera Darat mematuhi Peretujuan Kerjasama Dua Hala bekerjasama dengan Tentera-tentera Darat British, Australia dan New Zealand di bawah Peraturan Pertahanan Lima Negara dan Kerjasama Pertahanan.

Tentera Darat Malaysia telah berkembang menjadi satu angkatan darat yang berkemampuan dan lengkap. Cogankata Tentera Darat ialah 'Gagah Setia'.

Kini terdapat sebanyak lima belas kor dalam Tentera Darat, seperti berikut:

#### **i. Regimen Askar Melayu Di Raja (RAMD)**

Ditubuhkan pada 1 Mac 1933 dengan percubaan 25 rekrut Melayu di Haig Lines, Port Dickson. Dalam tahun 1934, Kompeni Percubaan itu dinamakan Regimen Askar Melayu. Batalion Pertama Askar Melayu ditubuhkan dalam tahun 1938. Pada 1 Mac 1958, Askar Melayu dianugerahkan gelaran 'Di Raja'. RAMD kini mempunyai tiga puluh satu batalion dan terkenal dengan cogankatanya 'Taat dan Setia'. D.Y.M.M. Sultan Kedah merupakan Kolonel Yang Di Pertua Regimen Askar Melayu Di Raja.

#### **ii. Regimen Renjer**

Regimen Renjer bermula dengan penubuhan 'Sarawak Ranger' dalam tahun 1892. Penyusunan semula sebagai satu ketumbukan Tentera bermula di Pusat Latihan Renjer Port Dickson pada tahun 1953. D.Y.M.M. Raja Perlis merupakan Kolonel Yang Di Pertua Regimen Renjer. Kini Rejimen ini mempunyai sebelas batalion.

### **iii. Kor Armor Di Raja**

Ditubuhkan dalam tahun 1960 dan adalah hasil cantuman dua pasukan, iaitu Regimen Kereta Perisai Persekutuan dan Regimen Askar Persekutuan. Inilah Pasukan Tentera Persekutuan yang pertama sekali dianggotai oleh semua kaum Warganegara Tanah Melayu ketika itu. Hasil cantuman itu, pasukan-pasukan ini dikenali sebagai Kor Peninjau dan dianugerahkan gelaran 'Di Raja' pada 20 Mei 1972. Pada 1 Januari 1980, Kor Peninjau Di Raja ditukar namanya sebagai Kor Kalveri Di Raja dan seterusnya pada 8 Disember 1986 ditukar kepada Kor Armor Di Raja. D.Y.M.M. Sultan Terengganu ialah Kolonel Yang Di Pertua Kor ini.

### **iv. Regimen Semboyan**

Regimen ini bermula dengan 'Signallers' dari Batalion Pertama, Kedua dan Ketiga RAMD, disatukan sebagai 'Anggota Kumpulan Komunikasi' dalam tahun 1949. Pada tahun 1952 kumpulan komunikasi ini dijadikan Skwadron Semboyan Persekutuan. Kini Regimen ini memberi perkhidmatan kepada Tentera Darat dan Udara. D.Y.M.M. Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan merupakan Kolonel Yang Di Pertua Regimen Semboyan.

### **v. Regimen Jurutera**

Regimen ini bermula sejak tahun 1953 dengan kehadiran 'Malayan Field Squadron' ke-78. Regimen ini ditempatkan di Kluang, Johor. Pada waktu itu kedua-dua skuadron diletakkan di bawah Perintah Regimen Jurutera British di Singapura. Regimen Jurutera Pertama ditubuhkan pada 22 April 1953. Kini Regimen ini mempunyai unit-unit tetap Pasukan Simpanan dan Unit Pakar Sukarelawan. D.Y.M.M. Sultan Perak merupakan Kolonel Yang Di Pertua Regimen Jurutera.

### **vi. Regimen Artileri**

Regimen ini mengandungi unit-unit medan dan pertahanan udara. Bateri pertama ditubuhkan di Kajang, Selangor pada 15 Ogos 1957, kemudian diserapkan ke dalam Regimen Artileri Pertama dalam tahun 1962. D.Y.M.M. Sultan Kelantan merupakan Kolonel Yang Di Pertua Regimen Artileri. Cogankata Regimen ini ialah 'Tangkas Tegas Saksama'.

### **vii. Kor Gerak Khas**

Ditubuhkan di Kem Majidee, Johor Bahru pada 1 Mei 1965 dan merupakan pasukan infantri yang termuda. Pasukan Gerak Khas terdiri dari askar terlatih dari pelbagai Kor dan Perkhidmatan. Kor ini dibesarkan menjadi satu

Regimen yang dikenali sebagai Regimen Gerak Khas Malaysia (RGKM). D.Y.M.M. Sultan Johor merupakan Kolonel Yang Di Pertua Kor Gerak Khas. 'Cepat dan Cergas' adalah cogan kata yang sesuai dengan kepantasan menjalan gerakan offensif bebas melalui darat, laut dan udara.

#### **viii. Kor Perkhidmatan Am Persekutuan**

Ditubuhkan dalam tahun 1954 sebagai Kor Perkhidmatan Am Persekutuan. Pada 1 Julai 1958, Kor ini dikenali pula dengan nama Pasukan Perkhidmatan Am. Kor ini mula dikenali sebagai Kor Perkhidmatan Am apabila Bahagian Perubatan dan Risik menubuhkan Korpnya sendiri. Cogan katanya ialah 'Berbakti'.

#### **ix. Kor Kesihatan**

Perkhidmatan Perubatan dalam Angkatan Tentera bermula dalam tahun 1940. Hasil dari perkembangan pesat dalam Angkatan Tentera Malaysia, pada 11 Mei 1967, Kor Ubatan dan Gigian ditubuhkan dan nama ini ditukar kepada Kor Kesihatan. Kor ini berkhidmat untuk anggota tentera dan keluarganya di samping tugas darurat sebagai '*Combat Doctors*'. Cogan katanya ialah 'Khidmat Diutamakan'.

#### **x. Kor Polis Tentera**

Kor Polis Tentera ditubuhkan pada tahun 1950 dan anggota-anggotanya terdiri daripada anggota-anggota Polis Tentera Di Raja British sahaja. Satu seksyen yang mengandungi seramai sembilan anggota Askar Melayu telah dipilih berkursus tentang tugas-tugas Polis Tentera dan kemudiannya dikenali sebagai Polis Tentera Askar Melayu atau '*Malay Regiment Military Police*'. Keanggotaan seksyen ini telah berkembang menjadi satu kompeni yang dirasmikan penubuhannya pada 12 November, 1953 sebagai kompeni Polis Tentera Di Raja. Pada 29 Mac 1957 nama Polis Tentera Di Raja telah ditukar kepada Polis Tentera Persekutuan dan pada 1 Jun 1971, Regimen Pertama Polis Tentera Malaysia telah ditubuhkan dengan rasminya. Cogan katanya ialah 'Sedia Berkhidmat'.

#### **xi. Kor Risik**

Kor Risik ditubuhkan dalam tahun 1953 dengan penumpangan anggota Askar Melayu ke Markas 355 Seksyen Keselamatan Medan (FSS) Kor Risik Tentera British. Dalam tahun 1958 ditubuhkan 'Federation FSS' dan menjadi sebahagian daripada Pasukan Polis Tentera Persekutuan (FMP). Kor ini ditubuhkan dengan rasminya pada 7 November, 1969.

## xii. Kor Perkhidmatan Malaysia

Cawangan Bekalan dan Angkut dalam Kor Perkhidmatan Tentera Darat *Army Service Corps (ASC)* ditubuhkan pada bulan April 1957 dan ASC diubah namanya sebagai *Armed Forces Malaysia Corps (AFMC)*. Selepas penyusunan semula, cawangan ini dikenali sebagai Pasukan Perkhidmatan Bekalan dan Angkut Persekutuan (*The Federation Supply and Transport Services*). Pada tahun 1965 dikenali pula sebagai Kor Perkhidmatan Malaysia. Kor ini bertanggungjawab terhadap Bekalan Makanan dan Pengangkutan.

## xiii. Kor Kelengkapan

Kor Kelengkapan ditubuhkan pada tahun 1964, tetapi pembesaran dan pengalihan sepenuhnya bermula pada 15 Julai 1958. Pada 9 April 1965, Kor ini dinamakan sebagai Kor Kelengkapan Malaysia dengan 'Berkhidmat dan Membantu' sebagai cogan katanya. Kor ini adalah nadi dalam Angkatan Tentera Malaysia.

## xiv. Kor Jurutera, Letrik dan Jentera (JLJ)

Berasal dari Kor Senggara (*Armed Forces Maintenance Corps*) yang ditubuhkan dalam tahun 1957, terdiri daripada Bahagian Bekalan dan Pengangkutan, Jurutera Elektrik dan Jentera.

## xv. Pasukan Simpanan Tentera Darat (PSTD)

Pasukan ini bermula dalam tahun 1902 dengan penubuhan '*The Malay State Volunteer Rifles*' di Selangor dan '*Johor Volunteer Military Forces (JVMF)*' di Johor sebelum Perang Dunia Kedua. Pasukan Sukarela juga ditubuhkan di Kedah dan Kelantan. Pasukan '*Home Guard*' ditubuhkan semasa darurat dan selepas pembubarannya, anggota-anggotanya diserapkan ke dalam satu pasukan 'Askar Wataniah' yang ditubuhkan dalam tahun 1958. Dalam tahun 1963 ditubuhkan pula Pasukan Pertahanan Tempat (LDC) di setiap negeri, Regimen Askar Wataniah dan LDC disusun semula kemudiannya dan diberi nama barunya Pasukan Simpanan Tentera Darat (PSTD).

## TENTERA LAUT DI RAJA MALAYSIA

Tentera Laut Di Raja Malaysia ditubuhkan hasil dari penubuhan Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Di Raja Negeri-negeri Selat (*Straits Settlements Royal Navy Volunteer Reserve*) atau ringkasnya SSRNVR di Singapura pada 27 April 1934. Kemudian pada tahun 1939 Kerajaan British menubuhkan pula seksyen Melayu dalam tentera lautnya dikenali sebagai *Royal Navy Malay Section*. Kebanyakan anggota terdiri dari anggota-anggota SSRNVR yang diserapkan. Menjelang tahun 1942, Seksyen ini mengandungi anggota berjumlah 1,400 orang dan dikendalikan oleh United Kingdom Admiralty. Seksyen ini kemudiannya dimansuhkan pada 1947 atas sebab-sebab ekonomi. Walau bagaimanapun, Kerajaan Singapura pada tahun 1948 mengiktirafkan pembentukan Malayan Naval Force memandangkan sumbangannya kepada keselamatan di Asia Tenggara. Dalam bulan Januari 1949 pengambilan pertama rekrut-rekrut ke dalam Malayan Naval Force telah dijalankan. Pada 19 Oktober 1951 pengkalan Angkatan Laut Malaya telah dibina di Woodlands, Singapura dengan dinamakan HMS Malaya. Berikutan daripada itu, Angkatan Laut Malaya ini dianugerahkan gelaran 'Di Raja' oleh Ratu Elizabeth pada 29 Ogos 1952.

Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, negeri ini memerlukan tentera lautnya sendiri. Oleh itu pada 19 Jun 1958, satu rang undang-undang TLDM telah dibentangkan oleh Y.A.B. Dato' Abdul Razak bin Hussein, Menteri Pertahanan ketika itu dan dikuatkuasakan sebagai Ordinan TLDM pada 26 Julai 1958.

Pada 1 Julai 1958 penyerahan TLDM secara rasmi bermula di Pengkalan TLDM di Woodlands, Singapura. Penyerahan ini melibatkan semua kapal dan pentadbiran dipindahkan kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sebagai sebahagian dari \$20 juta hadiah dari Kerajaan United Kingdom. Pada 1 Januari 1959 Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah bertanggungjawab ke atas kewangan angkatan laut ini.

Pada tahun tersebut juga sebuah cawangan tentera laut ditubuhkan di bawah Kementerian Pertahanan dikendalikan oleh seorang Komodor. Cawangan ini bertanggungjawab mentadbirkan Angkatan Laut Di Raja Malaya dari Kuala Lumpur.

Tahun 1960-an memperlihatkan kemajuan pesat TLDM, di mana kapal dan persenjataan moden mula dilengkapi. Di samping menjaga keselamatan perairan, pasukan pengukur dasar serta pemetaan laut ditubuhkan berserta dengan khidmat logistik.

TLDM juga menyediakan pasukan simpanannya yang sentiasa siap sedia untuk diserap dan dikerah. Dengan pembentukan Malaysia, Pasukan Simpanan Sukarela ini ditukar tadbir kepada TLDM mulai 23 September 1963 dan kapal-kapalnya dikenali sebagai KD Panglima, KD Singapura dan KD Panji.

### **Pengkalan Tentera Laut Di Raja Malaysia Woodlands Singapura**

Pengkalan ini telah dibina pada 19 Oktober 1951 di Woodlands, Singapura dengan dinamakan HMS Malaya. Ia pada mulanya hanyalah berek-berek Angkatan Laut Malaya yang mengandungi beberapa buah bangunan bekas Tentera Udara Di Raja British yang dibuka pada November 1949.

Selepas merdeka, TLDM dan pengkalannya di Woodlands telah diserahkan kepada Pentadbiran Kerajaan Tanah Melayu pada 1 Julai 1958. Ini adalah berikutan dengan Rang Undang-undang TLDM yang dibentangkan oleh Y.A.B. Dato' Abdul Razak, Menteri Pertahanan pada 19 Jun 1958 dan dikuatkuasakan pada 29 Julai 1958.

Pada 1 Januari 1959, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas hal-hal kewangan Tentera Laut Di Raja Malaysia.

Antara kapal-kapal yang ditempatkan di sini ialah KD Mahamiru, KD Temasek dan KD Sri Perlis. Berikutan dengan pembinaan Pengkalan di Lumut, Perak pada tahun 1980, Pengkalan TLDM telah berpindah dari Woodlands ke Lumut. Kini hanya tinggal berek-berek TLDM Woodlands yang mengendalikan latihan bagi rekrut-rekrut TLDM.

### **Pengkalan Tentera Laut Di Raja Malaysia, Lumut**

Pengkalan ini siap dibina pada tahun 1980, merupakan asas utama dalam pembesaran TLDM. Perpindahan pertama melibatkan Pusat Latihan Tentera Laut Di Raja Malaysia (KD PELANDOK) dan sejumlah enam buah kapal TLDM di Woodlands, Singapura ke Lumut.

Pada tahun 1981, Markas Panglima Armada TLDM mula berpindah ke Lumut, diikuti oleh Markas Panglima Material Armada dan KD Malaya. Pengkalan ini dibina di atas tapak seluas 1,856 ekar dan mempunyai kemudahan-kemudahan termoden bersesuaian dengan perkembangan TLDM. Pasukan-pasukan lain yang terdapat di pengkalan ini termasuklah Pusat Tektis Maritim, Depot Pusat Bekalan dan Catuan, Degausing Range, Stesen Komunikasi dan sebagainya.



Objektif-objektif Tentera Laut:

- i. Menjaga keselamatan perairan;
- ii. Bertanggungjawab terhadap keselamatan pelayaran;
- iii. Bertanggungjawab terhadap pemeliharaan carigali;
- iv. Melindungi nelayan-nelayan; dan
- v. Mengambil bahagian di dalam kegiatan-kegiatan tertentu dalam pembangunan negara.

### **TENTERA UDARA DI RAJA MALAYSIA**

Tentera Udara Di Raja Malaysia ditubuhkan berikutan penggubalan Rang Undang-undang Penubuhan Tentera Udara Di Raja Persekutuan pada 2 Jun 1958.

Cadangan-cadangan awal telah pun dibuat pada Disember, 1955 lagi, di mana Komodor Udara A.V.R. Johnstone ditugas menubuhkan nukleus udara di Kementerian Pertahanan. Kemudian pada 17 April 1958, Angkatan ini telah menerima pesawat udara pertamanya yang dinamakan Twin Pioneer yang diserahkan oleh Kerajaan British kepada Kerajaan Tanah Melayu.

Pada bulan Julai, 1958 cadangan pembesaran Angkatan ini telah dibuat dan pengambilan rekrut telah dilancarkan pada bulan Oktober, 1958. Pada 21 November 1958 seramai 12 orang anggota Royal Air Force telah diserapkan ke Skwadron Pertama TUDM. Kemudian pada Januari 1959, seramai 35 orang rekrut pertama TUDM telah dihantar menjalani latihan asas di Pengkalan Royal Air Force Seletar, Singapura.

Hasil dari pembesaran TUDM, sebuah Sekolah Latihan Penerbangan yang pertama telah ditubuhkan di Pengkalan TUDM Kuala Lumpur pada Disember 1958. Menjelang tahun 1963, TUDM mempunyai sejumlah 14 buah pesawat, bertempat di Sungei Besi. Pada tahun 1964, TUDM menubuhkan pula pengkalan keduanya di Alor Setar, Kedah. Pengkalan ini dijadikan Pusat Latihan Penerbangan yang dipindahkan dari pengkalan udara Kuala Lumpur. Sebelum itu pada 25 Oktober 1960, TUDM telah mengambil alih stesen Royal Air Force Kuala Lumpur dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Lapangan terbang ini digunakan bersama Jabatan Penerbangan Awam sehingga Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang siap pada tahun 1965.

Dalam memperkuatkan lagi gerakan udaranya, TUDM telah menggunakan

helikopter jenis Alouette dan pesawat Herald telah diperkenalkan. Ini membawa kepada satu lagi perkembangan, iaitu keupayaan latihan teknik kejuruteraan kapal terbang dan pembekalan alatan. Oleh itu TUDM telah menubuhkan Sekolah Latihan Teknik di Kinrara pada bulan Ogos, 1963. Pada bulan Januari, 1964 ditubuh pula Depoh Bekalan di Kuala Lumpur.


Pada tahun-tahun 1966 dan 1967, TUDM telah menubuhkan dua lagi pengkalannya iaitu Labuan, Sabah dan Kuching, Sarawak. Pada tahun 1966 ini juga TUDM telah menggunakan pesawat jenis 'Carribou' dalam gerakan udara di negara ini. Di-sepanjang tahun 1960-an, TUDM juga telah menerima 10 buah helikopter jenis 'sikorsky' yang dinamakan 'Nuri'. Dengan adanya pesawat-pesawat ini TUDM dapat memainkan peranan yang lebih penting dalam gerakan keselamatan di Sabah dan Sarawak.

TUDM telah menubuhkan dua lagi pengkalan udaranya satu di Kuantan, Pahang pada April 1967 dan Butterworth pada 1969. Sepanjang tahun 1970-an, TUDM telah memperkemaskinikan lagi organisasinya dan menambah lagi pesawat-pesawat yang lebih moden dalam gerakan udaranya.

Objektif-objektif Tentera Udara Di Raja Malaysia:

- i. Bertanggungjawab terhadap pemeliharaan ruang angkasa negara dari sebarang ancaman luar;
- ii. Bekerjasama erat dengan Tentera Darat dan Tentera Laut di dalam menjalankan tugas-tugas operasi keselamatan dan ketenteraan; dan
- iii. Terlibat dalam gerakan menentang penganas-penganas.

CARTA ORGANISASI KEMENTERIAN PERTAHANAN 1982



**Senarai Ordinan-ordinan dan Akta-akta yang  
berkaitan dengan Kementerian Pertahanan**

<b>Tahun</b>	<b>No. Ordinan/Akta</b>	<b>Nama</b>
1946	M.U.16	Volunteer Forces & Local Defence Corps (Demobilisation) - Repealed by Malaysia Act 68/1965).
1947	M.U.2	- sama -
1950	F.M.1.	Malayan Auxiliary Air Force - Repealed by FM ordinance 58/1958
	F.M. 59	Malay Regiment (Amendment) See Armed Forces Act, Laws of Malaysia Act 77
1951	F.M. 5	Volunteer Force - Repealed by F.M. Ordinance 52/1958
	F.M. 18	Malayan Auxiliary Air Force (Amendment) Repealed by F.M. Ordinance 58/1958.
	F.M. 38	Civil Defence
	F.M. 61	Malayan Auxiliary Air Force (Amendment No.2) - Repealed by F.M. Ordinance 58/1958.
1952	F.M. 3	Malayan Royal Navy Volunteer Reserve - Repealed by Malaysia Act 54/1966.
	F.M. 47	Military Forces - Repealed by Laws of Malaysia Act 77
1953	F.M. 30	Local Forces (Civil Liability)
1954	F.M. 33	Volunteer Force (Amendment) Repealed by Laws of Malaysia.

Tahun	No. Ordinan/Akta	Nama
1958	F.M. 20	Air Force - Repealed by Laws of Malaysia Act 77
	F.M. 52	Territorial Army - Repealed by Laws of Malaysia Act 77
	F.M. 55	Naval Volunteer Reserve - Repealed by Laws of Malaysia Act 77
	F.M. 58	Air Force Volunteer Reserve - Repealed by Laws of Malaysia Act 77
1967	M'sia 8	Malay Regiment (Amendment) - See Armed Forces Act - Laws of Malaysia Act 77
	M'sia 9	Military Forces (Amendment) - See Armed Forces Act - Laws of Malaysia Act 77
	M'sia 10	Air Force (Amendment) - See Armed Forces Act - Laws of Malaysia Act 77
	M'sia 11	Territorial Army (Amendment) - See Armed Forces Act - Laws of Malaysia Act 77
	M'sia 12	Naval Volunteer Reserve (Amendment) - See Armed Forces Act - Laws of Malaysia Act 77
	M'sia 13	Air Force Volunteer Reserve (Amendment) See Armed Forces Act Laws of Malaysia Act 77
	M'sia 14	Navy (Amendment) - See Armed Forces Act - Laws of Malaysia Act 77

Tahun	No. Ordinan/Akta	Nama
1972	77	Armed Forces Act
1973	101	Tabung Angkatan Tentera Act
1969	A4	Malay Regiment (Amendment) Act

## **Bibliografi**

1. Fail-fail Kementerian Pertahanan (P/KPM)
2. Malaysia: Buku Rasmi Tahunan 1982 (P/PM) 3)
3. Buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1982 (P/PB 4)
4. Akta dan Ordinan 1948, 1953, 1955 - 1958 (P/PEG 1)
5. Senarai Akta dan Perundangan Mac 1980 (P/KPP 9)
6. Malaya In History (Kuala Lumpur) Vol.VIII, No.1  
September 1961, PP.8-11.